

# Rombongan Kemerdekaan ke London

## 1 Rombongan Merdeka

Sebelum ke London, Tunku Abdul Rahman telah menghadap Raja-raja Melayu memaklumkan perlunya kesepakatan antara wakil Raja-raja Melayu dengan wakil Parti Perikatan. Pada hari Rombongan Merdeka ini berangkat ke London, Tunku Abdul Rahman mengatakan bahawa “Saya mesti memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dan membawa kembali dari London tarikh kemerdekaan Tanah Melayu iaitu pada 31 Ogos 1957. Saya tidak akan berganjak sedikitpun kerana saya cukup yakin kepada kekuatan kita mencapai kemerdekaan.” Tunku juga berkata “saya telah masuk ke gelanggang politik dengan azam hendak berkorban berhabis-habisan kerana bangsa dan tanah air. Kepada Allah saya berserah”.

Pada 1 Januari 1956, jam 12.30 tengah hari, Tunku Abdul Rahman dan rombongannya telah beristirahat di Hotel Raffles, Singapura. Mereka menanti masa untuk bertolak ke pelabuhan Tanjung Pagar untuk menaiki kapal.

Orang ramai datang dengan menaiki kereta, lori dan ada yang berjalan kaki. Tidak kurang daripada 10 000 orang dari Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu berkumpul di Hotel Raffles dan di jalan raya. Laungan “Merdeka” yang penuh semangat kedegaran tidak berhenti-henti.

Tepat 2.30 petang, Rombongan Merdeka mulai bergerak dari Hotel Raffles ke Tanjung Pagar. Jam 3.30 petang perarakan Rombongan Merdeka sampai di Tanjung Pagar. Turut berada di sana ketika ini ialah David Marshall, Ketua Menteri Singapura dan menteri-menterinya. “Singapura menyokong rombongan tunku dan mendoakan kejayaannya” kata David Marshall dan Lee Kuan Yew kepada beribu-ribu orang di pelabuhan Tanjung Pagar .

Tepat jam 5.00 petang, kapal *Asia* mulai bergerak. Sebelum bergerak, setiap anggota rombongan berdiri di tepi kapal dan melaungkan “Merdeka” sebanyak tiga kali dan disambut dengan penuh semangat.

## 2 Tunku Abdul Rahman di London

Akhirnya Tunku Abdul Rahman dan Rombongan Merdeka tiba di London pada 14 Januari 1956. Penuntut dari Tanah Melayu di England telah menyambut ketibaan Tunku dan rombongannya. Rombongan Merdeka juga menemui Perdana Menteri British Sir Anthony Aden di Dawing Street. Rombongan Merdeka juga menerima jemputan daripada Queen Elizabeth dan keluarga Diraja British di Istana Buckingham.

18 Januari 1956, jam 10.30 pagi rundingan yang menentukan nasib Persekutuan Tanah Melayu dimulakan. Dalam ucapannya, Tunku Abdul Rahman berkata “Saya harap persidangan ini akan direkodkan dengan huruf-huruf emas bukannya dengan lumpur. Sekarang inilah masanya untuk kerajaan dan rakyat British menunjukkan keikhlasan mereka kepada Malaya dengan mengambilnya sebagai kongsi yang setaraf di dalam keluarga Komanwel yang besar itu”.

## 3 Tarikh Kemerdekaan Dipersetujui

Persidangan di London ini diadakan dari 18 Januari 1956 hingga 6 Februari 1956 dalam suasana persefahaman antara kedua-dua belah pihak. Tarikh kemerdekaan yang dipersetujui adalah pada 31 Ogos 1957.

## 4 Tunku Abdul Rahman Menandatangani Perjanjian

Pada hari Rabu 8 Februari 1956, Tunku Abdul Rahman dan ahli rombongan serta Setiausaha Tanah jajahan British, Alan Lennox Boyd telah menurunkan tandatangan masing-masing dalam Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu di Lancaster House, London.

Saya nampak pengertian besar Perjanjian Kemerdekaan ini. Dahulunya, salah seorang datuk nenek saya, Sultan Kedah pada tahun 1786 telah menyerahkan Pulau Pinang kepada Kapten Francis Light. Oleh itu, pada hari ini saya menurunkan tandatangan menyerahkan balik kepada rakyat jelata bukan sahaja Pulau Pinang tetapi seluruh Negeri Melayu. Sebesar-besar kejayaan Rombongan Merdeka adalah dengan mencapai tarikh kemerdekaan Tanah Melayu yang dijanjikan oleh British kepada rakyat Tanah Melayu. Dengan tamatnya rundingan ini, terbentuklah satu asas bagi mendirikan sebuah negara Malaya yang berdaulat dan merdeka. Saya berharap dengan sesungguhnya bahawa bangsa kita sekarang boleh hidup dalam aman, makmur dan senang.